



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL PERSIDANGAN KEDUA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KEEMPAT BELAS**

26 APRIL 2019 (JUMAAT)

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA
PENGAL PERSIDANGAN KEDUA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS**

26 APRIL 2019 (JUMAAT)

Kandungan	Muka Surat
KEHADIRAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT	3 - 4
PENGUMUMAN OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI	5
UCAPAN OLEH T.Y.T. YANGI DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG	5 - 13

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 26 APRIL 2019 (JUMAAT)

Masa : 10.00 Pagi

Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggai
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
7.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
8.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
9.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
10.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
11.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
12.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
13.	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
14.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15.	YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak
16.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
17.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
18.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
19.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
20.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
21.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
22.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
23.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
24.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
25.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
26.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
27.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
28.	YB. Zolkifly Bin Md. Lazim	Telok Bahang
29.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
30.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
31.	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
32.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
33.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
34.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
35.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
36.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
37.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
38.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
39.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
40.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
41.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Tuan Norazmi Bin Mohd. Narawi	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

- Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri
- Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 10.00 pagi.

1. BACAAN DOA

2. PENGUMUMAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri telah memaklumkan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan hari ini, 26 haribulan April 2019 sebagai hari permulaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas melalui pengisytiharan bertarikh pada 28 Februari 2019 dan diwartakan pada 14 Mac 2019.

3. UCAPAN OLEH T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua saya masih diberikan kesempatan untuk menghadiri dan menyampaikan ucapan perasmian bagi Mesyuarat Pertama Pembukaan Persidangan Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Keempat Belas bersama Toh Puan pada pagi yang mulia dan barakah ini.

Di kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kerana telah berjaya mentadbir negeri dalam tempoh setahun ini dengan cemerlang walaupun majoriti Ahli Yang Berhormat adalah baharu dalam barisan kepimpinan negeri.

Saya percaya kesemua Ahli Yang Berhormat akan terus bekerja keras bagi memastikan segala perancangan dan pembangunan negeri dipacu dengan lebih berkualiti serta memberi manfaat yang menyeluruh kepada rakyat negeri ini. Saya percaya ianya adalah harapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang Tuan Chow Kon Yeow apabila mengetengahkan Visi Penang 2030.

Saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri bakal melancarkan *booklet* Penang2030 pada esok hari 27 April 2019. Saya doakan agar majlis tersebut akan berjalan lancar dan jayanya. Sesi *engagement exercise* atau sesi penglibatan awam akan terus diadakan demi penambahbaikan dasar-dasar yang kemudiannya akan diterjemahkan ke dalam bentuk program, projek dan juga polisi yang akan memanfaatkan rakyat kelak. Besarlah harapan saya agar Visi Penang2030 mendapat kerjasama dan penglibatan yang menyeluruh daripada semua Ahli Yang Berhormat agar maklumat yang akan disampaikan ke peringkat akar umbi menjadi lebih mud ah dan berkesan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Saya menyambut baik usaha pembaharuan dan reformasi dalam sistem politik Negeri Pulau Pinang yang telah bersetuju untuk mengehadkan tempoh memegang jawatan Ketua Menteri kepada dua (2) penggal sahaja demi menerapkan amalan tadbir urus yang baik lagi telus. Usaha ini dilihat bukan sahaja dapat meningkatkan keberkesanan *check and balance*, malah yang lebih penting dapat mencegah penyalahgunaan kuasa.

Persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini dan persidangan akan datang perlu diadakan di Dewan Sri Pinang memandangkan kerja-kerja pembaikan sedang dilakukan di bangunan Dewan Undangan Negeri. Mengimbas kembali ucapan saya pada tahun 2015, ketika Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas, saya telah mengusulkan pembinaan Bangunan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang baharu. Bangunan Dewan Undangan Negeri sedia ada telah digunakan sejak tahun 1959 dengan keanggotaan 24 Ahli Dewan Undangan Negeri berbanding 40 Ahli Dewan Undangan Negeri sekarang.

Kemajuan dan kepesatan pembangunan Negeri Pulau Pinang pada masa ini serta peningkatan permintaan dan keperluan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat, tidak dapat dinafikan. Oleh itu, saya masih amat mengharapkan agar Kerajaan Negeri memandang serius usul untuk mendirikan bangunan Dewan Undangan Negeri yang baharu bagi keselesaan sidang serta untuk menampung jumlah Ahli-Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai bertugas, para media dan keperluan-keperluan lain yang perlu untuk ditambahbaik.

Selain itu, saya juga ingin mengusulkan cadangan baharu kepada Kerajaan Negeri melibatkan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri di bangunan KOMTAR yang telah digunakan mulai tahun 1986. Cadangan ini diusulkan dengan mengambilkira insiden “kebakaran” yang berlaku baru-baru ini dan telah menimbulkan suasana panik, kurang selesa dan lain-lain kelemahan yang ketara. Keperluan ruang kerja baharu dengan mengambil kira keperluan pertambahan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan juga menjadi faktor tambahan untuk pembinaan Pusat Pentadbiran Kerajaan yang baharu selari dengan pembangunan semasa.

Justeru itu, pada hemat saya telah tiba masanya untuk Kerajaan Negeri meneliti secara bersungguh-sungguh untuk pembinaan bangunan Dewan Undangan Negeri baharu beserta Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri secara bersama di dalam satu kompleks. Tapak tebus guna strategik yang akan dimiliki Kerajaan Negeri amat sesuai bagi pembangunan ini.

BELANJAWAN BERHEMAH

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2018 telah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada 16 Januari 2019 untuk diaudit. Penyata berkenaan menunjukkan kutipan hasil bagi Tahun 2018 berjumlah RM987 juta berbanding kutipan hasil Tahun 2017 berjumlah RM757 juta. Oleh itu kutipan hasil Tahun 2018 menunjukkan peningkatan RM230 juta. Di samping itu, perbelanjaan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2018 adalah berjumlah RM1.005 bilion berbanding perbelanjaan bagi Tahun 2017, RM706 juta iaitu peningkatan berjumlah RM299 juta.

Bagi akhir Tahun 2018 berdasarkan kepada kutipan hasil dan perbelanjaan, kedudukan rezab Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM1.074 bilion, berbanding pada akhir Tahun 2017 iaitu RM1.092 bilion. Pencapaian rezab terkumpul Kerajaan Negeri pada akhir Tahun 2018 menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah stabil dan kukuh. Pencapaian ini juga membuktikan bahawa dasar Kerajaan Negeri di dalam pengurusan kewangan berteraskan Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) telah terbukti di samping tindakan perbelanjaan secara berhema dan berprinsipkan *value for money*.

Saya berharap agar Kerajaan Negeri terus komited dalam mengamalkan tadbir urus yang baik, perbelanjaan berhemat serta ketelusan dalam kaedah perolehan Kerajaan. Adalah diharapkan segala program dan projek yang telah dirancang untuk kesejahteraan rakyat yang merentasi pelbagai sektor dapat memberikan pulangan yang optimum kepada kerajaan dan rakyat negeri ini.

PRESTASI EKONOMI NEGERI

Prestasi pertumbuhan ekonomi global untuk tahun 2018 adalah sekitar 3.9 peratus manakala unjuran bagi tahun 2019 adalah pada 3.3 peratus sahaja. Namun begitu, pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang kekal berkembang secara positif. Bagi tahun 2018, Pulau Pinang telah mencatatkan pelaburan berjumlah RM5.78 bilion di mana pelaburan asing yang diluluskan berjumlah RM3.69 bilion manakala pelaburan domestik berjumlah RM2.09 bilion. Sektor pembuatan akan terus kekal sebagai salah satu teras utama. Malah Pulau Pinang terus menerima pelaburan di mana pada November 2018, Micron, sebuah syarikat Fortune 500, telah mengumumkan pelaburan berjumlah RM1.5 bilion untuk menubuhkan pusat kecemerlangan *Solid State Drive* (SSD) di Taman Perindustrian Batu Kawan.

PENYEDIAAN SISTEM PENGANGKUTAN AWAM

Pulau Pinang dan feri adalah sangat sinonim kerana pada suatu masa dahulu perkhidmatan feri merupakan satu-satunya pengangkutan untuk ke Pulau Pinang dari Butterworth. Perkhidmatan yang ikonik dengan Pulau Pinang pada ketika ini diurus oleh Rapid Ferry Sdn. Bhd. iaitu *Special Purpose Vehicle* (SPV) Prasarana melalui perjanjian yang ditandatangani pada 1 Mei 2018. Kerajaan Negeri menyedari perkhidmatan ini perlu dipertingkatkan terutamanya dari segi kekerapan perkhidmatan ketika waktu puncak tetapi Prasarana menghadapi kekangan kewangan. Oleh itu, Kerajaan Negeri merancang untuk mengadakan perbincangan dengan Prasarana dan Kementerian Kewangan bagi menangani masalah ini.

Kerajaan Negeri terus aktif melaksanakan perancangan dan menghasilkan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (*Penang Transport Master Plan* - PTMP) pada 2016. PTMP merangkumi dua (2) projek utama iaitu *Bayan Lepas Light Rail Transit* (BLLRT) dan Lebuhraya *Pan Island Link 1* (PIL 1). Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) bagi PIL 1 telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 10 April 2019.

Projek jalan-jalan utama lain ialah pembinaan jalan pintasan Ayer Itam ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu yang dijadual bermula pembinaannya pada 1 September 2019 setelah kesemua kelulusan jabatan teknikal diperolehi. Perancangan projek infrastruktur Kerajaan Negeri adalah:

- (i) Sistem pengangkutan rel yang masih dalam penilaian Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD);
- (ii) Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) dari berkapasiti 6.5 juta penumpang setahun kepada kapasiti 12 juta penumpang setahun yang akan diuruskan oleh Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB);
- (iii) Cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Koridor Utara (LTAKU) di Pulau Pinang di mana perunding akan dilantik untuk melakukan kajian.

Projek tambakan laut - *Penang South Reclamation* (PSR), melibatkan tambakan seluas 4,500 ekar pulau buatan yang mampu mengubah landskap fizikal dan ekonomi negeri pada masa hadapan. Usaha Kerajaan Negeri sejak dari tahun 2016 telah mendapat persetujuan Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) pada 18 April 2019 dengan menetapkan 18 nasihat dan tambahan beberapa nasihat dari Kementerian dan Agensi Kerajaan Persekutuan yang perlu dipatuhi oleh Kerajaan Negeri. Saya yakin Kerajaan Negeri akan mematuhi sepenuhnya semua syarat yang ditetapkan selaras dengan dasar CAT.

PROJEK INFRASTRUKTUR AWAM

Ahli-Ahli Yang Berhormat

Perancangan Kerajaan Negeri turut memperuntukkan sejumlah RM6.45 juta pada tahun 2018 kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk projek-projek infrastruktur awam di seluruh Negeri Pulau Pinang. Projek-projek terlibat termasuk:

- (i) Projek pelebaran jalan dan menaiktaraf jambatan Sungai Machang Bubuk di Jalan Gajah Mati, Seberang Perai Tengah dengan kos RM3.75 juta;
- (ii) Projek menaiktaraf persimpangan jalan perindustrian Bukit Minyak dan jalan perusahaan Bukit Minyak I, Seberang Perai Tengah yang bernilai RM500,000.

Kerajaan Negeri juga pada tahun 2019 turut memperuntukkan sejumlah RM3.088 juta untuk melaksanakan tujuh (7) projek jalan di daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah. *Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pula telah diperuntukkan RM12.345 juta pada tahun 2018 untuk melaksanakan projek tebatan banjir berimpak tinggi (high impact project). Kesemua lapan (8) projek tebatan banjir berimpak tinggi sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan pelbagai status kemajuan.* Pelaksanaan projek berkenaan oleh JKR dan JPS dapat menjamin kemudahan infrastruktur yang lebih mantap serta berkesinambungan antara kawasan. Malah projek JPS setelah disiapkan dapat menangani masalah banjir.

SEKTOR PELANCONGAN NEGERI

Di sektor pelancongan, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) mencatat peningkatan penumpang sebanyak 7.59 peratus dari 7.23 juta orang pada tahun 2017 kepada 7.78 juta orang pada tahun 2018.

Persatuan Hotel Malaysia (MAH) Pulau Pinang juga merekodkan peningkatan jumlah penginapan sebanyak 2.28 peratus dari 62.76 peratus kepada 64.19 peratus pada tahun 2018. Usaha gigih Kerajaan Negeri dengan menambah laluan penerbangan terus dari Pulau Pinang ke negara seperti Hanoi, Doha, Phuket, Jakarta, Surabaya, Nanning, Hong Kong, Taipei dan lain-lain negara Asia beberapa tahun kebelakangan ini mula membuahkan hasil di samping aktiviti promosi yang dilaksanakan secara berterusan di dalam dan luar negara.

Pelayaran Kapal Persiaran (Cruise) turut mencatatkan 199 ketibaan antarabangsa dengan sejumlah Tiga Ratus Lima Puluh Tujuh Ribu Satu Ratus Dua Puluh Tiga (**357,123**) orang penumpang pada tahun 2018. Malah saya turut dimaklumkan bahawa RM155 juta telah diperuntukkan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) dan Royal Caribbean Cruises Ltd. untuk menaiktaraf Terminal Kapal Persiaran Swettenham Pier (SPCT). Projek yang mengambil masa setahun untuk disiapkan akan membolehkan SPCT menempatkan dua (2) buah kapal pelayaran mega dan mengendalikan seramai 12,000 orang penumpang pada satu-satu masa.

Bersempena Tahun Melawat Pulau Pinang 2020, saya mengharapkan produk pelancongan warisan dapat diketengahkan bersama-sama produk pelancongan lain seperti agropelancongan dan akuapelancongan yang menjadi tumpuan pada masa ini. Tindakan ini akan membolehkan kempen *Experience Penang 2020* dengan *tagline Celebrate Asia's Diversity* yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri dapat menginspirasi pelancong untuk ke Pulau Pinang menerusi kepelbagaian aspek seperti kebudayaan, warisan, kesenian, makanan serta alam semulajadi.

SEKTOR PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Penduduk dunia dan negara terus meningkat sedangkan keluasan tanah untuk menghasilkan makanan semakin berkurangan. Oleh itu sektor pertanian sentiasa kekal signifikan dan berperanan penting sebagai pembekal sumber makanan. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk mengekalkan kesuburan tanah pertanian sedia ada dengan memastikan bekalan air yang mencukupi dan mengelakkan pencemaran alam yang boleh menjejaskan kualiti tanah, air dan iklim kerana ia akan menjejaskan produktiviti dan meningkatkan kos pengeluaran pertanian dan makanan.

Hasrat untuk memodenkan sektor pertanian perlu melibatkan bukan sahaja pihak Kerajaan Negeri tetapi juga pelaburan secara besar-besaran dengan penyertaan sektor swasta bagi membangunkan prasarana dan teknologi baharu. Justeru itu usaha Kerajaan Negeri dalam memacu sektor pertanian pada peringkat yang lebih tinggi dengan membangunkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuda, TKPM Mayfield, Taman Agro Batu Kawan (Juru) dan Taman Agro Permatang Pauh untuk memastikan bekalan makanan negara mencukupi perlu dipuji kerana tindakan ini merupakan langkah yang bijak.

Jalinan kerjasama strategik antara Kerajaan Negeri dengan pihak swasta untuk melabur dalam industri pertanian khususnya sub-sektor tanaman makanan perlu diberikan keutamaan. Saya dimaklumkan bahawa Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah memulakan projek usahasama dengan pihak swasta dalam penghasilan biji benih melalui program peladang kontrak yang bakal bermula pada suku kedua tahun 2019.

PERUMAHAN AWAM DAN MAMPU MILIK

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Rumah merupakan keperluan asas rakyat dan kediaman yang kondusif mampu membentuk keluarga serta komuniti sejahtera. Penyediaan perumahan mampu milik merupakan cabaran paling besar Kerajaan Negeri. Bagi merealisasikan hasrat ini, saya amat bersukacita apabila mendapati Kerajaan Negeri telah berjaya melepasi komitmen menyediakan perumahan selesa dan mencukupi bagi golongan B40 dan M40. Sejak tahun 2008 hingga kini, sebanyak Dua Puluh Sembilan Ribu Dua Ratus Sembilan Puluh Empat (**29,294**) unit Rumah Mampu Milik kategori A, B dan C telah siap dibina. Sejumlah Dua Puluh Tiga Ribu Dua Ratus Dua Puluh Dua (**23,222**) unit sedang dalam peringkat pembinaan manakala Empat Puluh Lapan Ribu Tujuh Belas (**48,017**) unit di peringkat perancangan. Jumlah keseluruhan rumah yang dibina dan dirancang oleh Kerajaan Negeri adalah melebihi dari sasaran yang ditetapkan dan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri 'Satu Keluarga, Satu Rumah'.

SEKTOR PENDIDIKAN NEGERI

Revolusi Industri 4.0 menuntut semua masyarakat dunia melakukan anjakan paradigma dan lonjakan mega bagi memastikan setiap yang dirancang dan dilaksanakan kekal relevan dan signifikan dengan peredaran masa. Saya berbangga apabila Kerajaan Negeri telah memulakan transformasi sektor pendidikan dengan membangunkan Perpustakaan Digital pada tahun 2016 dan beroperasi 24 jam setiap hari. Operasi Perpustakaan Digital ini telah diperluaskan dengan penubuhan Perpustakaan Digital Fasa (II) yang dirasmikan pada 27 Januari 2019 dengan tema *Library in the Park* dengan kos RM10.8 juta.

Di kawasan Seberang Perai, Perpustakaan Digital Butterworth bakal dibina dan dijangka dapat beroperasi pada awal tahun 2020 dengan kos RM6.6 juta. Saya percaya pelaburan Kerajaan Negeri dalam Perpustakaan Digital amat berbaloi dalam memperkasakan modal insan negeri dan menjadikan rakyat berpengetahuan serta mempunyai mentaliti kelas pertama. Kejayaan Kerajaan Negeri mewujudkan Perpustakaan Digital telah menjadi model untuk Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan dan pelaksanaan kepada Negeri Kedah bagi pembinaan sebuah Perpustakaan Digital pertama di luar Pulau Pinang.

Saya juga amat berharap pembinaan Perpustakaan Digital Islam Pulau Pinang (PIDL) pertama di Malaysia dengan kos RM5 juta dapat siap sepenuhnya pada Disember 2019. Pembangunan PIDL direka dengan merangkumi lima (5) elemen utama berkaitan Islam iaitu *Peace* (Keamanan), *Patience* (Sabar), *Hope* (Harap), *Destiny* (Takdir) dan *Freedom* (Kebebasan). Aspirasi dan elemen tersebut diharapkan dapat memberi persepsi positif mengenai agama Islam.

Sebagai usaha untuk memupuk minat pelajar dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Kerajaan Negeri telah mengadakan kelas asas pengekodan (*coding*). Sambutan yang diterima untuk pelaksanaan kelas ini amat memberangsangkan dengan melibatkan sekolah rendah dan menengah. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri melalui *Penang Science Café* (PSC) mensasarkan 100,000 pelajar untuk mengikuti kelas berkenaan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui *Chief Minister Incorporated* (CMI) telah menandatangani Perjanjian Persefahaman bersama UN Habitat pada 6 Oktober 2018 untuk tempoh lima (5) tahun. Sebagai menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri, satu lawatan rasmi yang diketuai oleh saya bersama Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah diadakan ke Nairobi pada bulan Mac yang lalu. Pihak UN Habitat bercadang untuk menubuhkan Pusat Kecemerlangan Urbanisasi (*Centre of Excellence for Sustainable Urbanisation*) di Pulau Pinang. Delegasi Kerajaan Negeri telah memberi justifikasi kesesuaian Pulau Pinang untuk dipilih bagi diwujudkan pusat ini oleh UN Habitat. Pemilihan Pulau Pinang kelak akan menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri pertama di Malaysia sebagai pusat serantau untuk pembangunan perbandaran lestari di peringkat ASEAN.

BANDAR PINTAR BERTARAF ANTARABANGSA

Terdapat empat (4) teras strategik Bandar Pintar Pulau Pinang iaitu Tadbir Urus, Infrastruktur, Data dan Rakyat serta lima (5) domain utama bandar pintar iaitu Kerajaan Pintar, Masyarakat Pintar, Persekitaran Pintar, Mobiliti Pintar dan Ekonomi Pintar. Adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri untuk Pulau Pinang mencapai taraf bandar pintar yang mampan (*sustainable*) melalui tadbir urus pintar serta transformasi digital termasuk Revolusi Industri 4.0.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) Wilayah Utara, telah menamakan Pulau Pinang sebagai salah satu negeri yang menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan internet yang terbaik di Malaysia. Statistik liputan komunikasi Pulau Pinang berakhir pada Disember 2018, menunjukkan bahawa Negeri ini telah mencapai 100 peratus capaian liputan 3G dan 97.7 peratus liputan 4G LTE (*Long Term Evolution*) di kawasan berpenduduk. Kadar penembusan jalur lebar tetap di Pulau Pinang (berwayar) mengikut 100 orang penduduk adalah 11.8 peratus melebihi kadar penembusan di peringkat nasional iaitu 8 peratus. Manakala purata kelajuan muat turun jalur lebar (tanpa wayar) adalah 18.90 *mega bits per second* (Mbps) dan melebihi purata kelajuan nasional iaitu 17.89 Mbps. Usaha masih diteruskan untuk mempertingkatkan kelajuan dan liputan kemudahan ini di Pulau Pinang.

Negeri Pulau Pinang adalah negeri pertama yang mempunyai kamera litar tertutup (CCTV) dengan keupayaan pengecaman wajah (*facial recognition*) di kawasan MBPP yang telah dilancarkan pada 2 Januari 2019. Malah, pada 6 April 2019, pihak MPSP juga telah melancarkan CCTV dengan keupayaan pengecaman jenis kenderaan dan nombor pendaftaran kenderaan agar tindakan penguatkuasaan dapat diambil berdasarkan data yang diperolehi.

Pulau Pinang juga telah dipilih untuk menjalani ujian pelaksanaan teknologi *Terragraph* yang mempunyai keupayaan jalur lebar berkelajuan tinggi bermula pada 18 Februari 2019. Projek ini dikendalikan oleh Syarikat YTL Communications Sdn. Bhd. dengan kerjasama Syarikat Facebook di kawasan Bandar Georgetown.

PEMBANGUNAN SUKAN DAN BELIA

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Program Sukan Untuk Semua atau *Sports For All* yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri adalah bagi melahirkan masyarakat yang sihat, cergas dan proaktif melalui kegiatan fizikal dan rekreasi. Saya juga menyanjung tinggi usaha dan tindakan aktif Kerajaan Negeri membangunkan prasarana sukan yang selesa untuk rakyat Negeri Pulau Pinang.

Perancangan pembinaan Akademi Badminton Pulau Pinang di Lebuh Sungai Pinang merupakan inisiatif Kerajaan Negeri terbaru untuk melahirkan lebih ramai jaguh dunia dalam sukan badminton. Projek yang dianggarkan melibatkan pembelanjaan RM35 juta dapat menjadikan pembangunan sukan badminton lebih tersusun di peringkat akar umbi melalui bimbingan dan latihan berterusan daripada bekas pemain negara. Saya juga berpandangan Kerajaan Negeri perlu memberi fokus kepada sukan-sukan lain seperti sepak takraw, hoki, boling padang dan lain-lain sukan yang amat berpotensi termasuk bola sepak.

MEMPERKASAKAN BELIA

Kerajaan Negeri perlu terus memberi komitmen yang tinggi dalam membangun dan memperkasa peranan belia dalam masyarakat. Pendedahan awal para belia dengan melaksanakan program-program yang boleh menyerlahkan keyakinan dan menguji kemahiran analitikal melalui sesi dialog dan forum merupakan satu halatujua baru yang boleh dipraktikkan. Justeru itu, penganjuran Program Sidang Muda yang mensasarkan golongan belia berusia antara 15 hingga 25 tahun untuk memahami konsep urus tadbir dan demokrasi melalui pengalaman berada dalam persidangan Dewan Undangan Negeri secara langsung adalah amat dialu-alukan. Pengalaman ini dapat memberi peluang untuk mereka menyuarakan pandangan dan idea kepada Kerajaan Negeri. Sehingga kini lebih kurang 500 orang belia telah menyertai program

ini dan sebahagian daripada mereka telah pun menjadi pemimpin belia dalam pelbagai lapangan.

PEMBANGUNAN KAWASAN REKREASI

Kerajaan Negeri telah mengenal pasti kawasan hijau seluas 40 ekar bagi tujuan rekreasi dan riadah kepada rakyat Pulau Pinang. Pelaksanaan Projek Gurney Wharf di kawasan projek tambakan laut Seri Tanjung Pinang Fasa 2 (STP 2), berhampiran Gurney Drive, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang akan mewujudkan kesinambungan kawasan awam untuk mewujudkan taman awam yang terpanjang lengkap dengan *esplanade*.

Pelaksanaan Projek Gurney Wharf merangkumi komponen seperti kerja-kerja landskap, *skate park*, *viewing deck*, kawasan permainan kanak-kanak, penyediaan kawasan *wetlands* dan lain-lain. Kemudahan-kemudahan disediakan juga mengambil kira keperluan orang kelainan upaya (OKU). Di samping itu, kemudahan teksi air sebagai salah satu mod pengangkutan masa depan juga dirancang. Pembangunan ini kelak akan menjadi kawasan baru rekreasi bagi negeri ini serta mampu menarik kehadiran pelancong.

PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA

Sinonim dengan ungkapan *Penang Leads*, Pulau Pinang adalah satu-satunya negeri yang mewujudkan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK). Jawatankuasa ini berperanan untuk menyelaras program-program di bawah Pembangunan Wanita dan Keluarga serta memastikan visi Penang2030 yang memfokuskan kepada institusi kekeluargaan, negeri pintar dan hijau dapat direalisasikan. Seramai 596 orang wanita telah dilantik menganggotai JPWK di 40 KADUN Negeri Pulau Pinang.

Di samping itu, Dasar Keterangkuman Gender juga telah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri dengan matlamat untuk mencapai kesaksamaan gender tanpa mengira etnik, agama dan status sosio-ekonomi. Ia juga akan memastikan sebarang dasar, prosedur serta penguatkuasaan undang-undang pada masa hadapan akan dibuat secara menyeluruh dan menitikberatkan perspektif gender. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan yang tinggi Kerajaan Negeri terhadap sumbangan golongan wanita dalam menguruskan dan merancang pembangunan negeri.

PEMERKASAAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Perkara 3 (1) di dalam Perlembagaan Persekutuan, menyatakan Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Sehubungan itu, saya amat berharap setiap rakyat di negeri ini saling menghormati dan tidak mencetuskan suasana yang menyebabkan perbalahan antara agama. Bagi merealisasikan hasrat ini peranan Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah penting untuk bertindak sebagai pemudah cara dan perantara pelbagai kaum bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan agama.

Saya memuji tanggungjawab dan komitmen Kerajaan Negeri yang saban tahun memperuntukkan sumber kewangan kepada institusi masjid serta surau sebagai pusat ibadah dan pembangunan ummah. Komitmen Kerajaan Negeri ini dapat dilihat melalui pembaikan 31 buah masjid dan surau di seluruh Pulau Pinang dengan kos

RM5.759 juta pada tahun 2018.

Pembinaan masjid-masjid baharu yang telah dirancang sebelum ini bersama Kerajaan Persekutuan perlu diteruskan. Malah Kerajaan Negeri juga telah menyalurkan peruntukan yang sama kepada agama lain termasuk pemberian milik tanah bagi tujuan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI).

Saya bersyukur kerana Kerajaan Negeri telah mengambil usaha bagi mengukuhkan konsep *Khaira Ummah* atau *Rahmatan Lil 'Alamin* di negeri Pulau Pinang khususnya dalam aspek pengurusan Islam. Penubuhan *Majlis Syura* yang dianggotai 20 ahli yang dilantik secara rasmi terdiri daripada golongan cendekiawan dan pakar yang arif dalam pelbagai bidang berkaitan dengan Islam. Kepakaran mereka sebagai *'think tank'* Kerajaan Negeri amat penting bagi melahirkan masyarakat yang kukuh akidah, baik budi pekerti, mampan ekonomi dan mampu berdaya saing pada masa akan datang.

PENUTUP

Saya amat menghargai sumbangan, jasa dan pengorbanan semua anggota perkhidmatan awam, termasuk guru-guru, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Agensi-Agensi Penyelamat dan Pertahanan Awam serta rakyat yang telah menyumbang kepada kemakmuran, keharmonian dan keselamatan negeri ini. Saya mengharapkan agar usaha dan komitmen ini dapat diteruskan bagi memastikan pembangunan dan kesejahteraan rakyat ditingkatkan.

Saya amat berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dapat menggunakan sebaik-baiknya persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini untuk menentukan hala tuju Negeri ini bagi tempoh empat (4) tahun akan datang khasnya. Ahli-Ahli Yang Berhormat hendaklah mematuhi segala ketetapan dan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Berbahaslah secara tertib, sopan lagi bernas untuk merealisasikan harapan rakyat dan negeri dimana rakyat memilih Yang Berhormat untuk mewakili mereka di Dewan yang mulia ini.

Akhir kata, saya mendoakan agar Allah SWT sentiasa melimpahkan rahmat-Nya kepada kita semua serta melindungi Negeri yang tercinta ini dari sebarang unsur negatif supaya kita terus maju, makmur dan mendapat perlindungan dari Yang Maha Esa.

Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Keempat Belas.

4. PENGUMUMAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada hari Isnin, 29 April 2019 jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.